

11 DEC 2002

Mahathir-BN

BN BERKUASA TENTUKAN PARTI MANA JADI ANGGOTANYA, KATA PM

PUTRAJAYA, 11 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata mana-mana parti komponen yang tidak sanggup mematuhi pendirian Barisan Nasional (BN) bermakna parti tersebut tidak mendukung sistem kerjasama dalam BN.

Perdana Menteri berkata sememangnya BN mempunyai kuasa untuk menentukan parti yang boleh menganggotainya.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik semalam bahawa BN tidak boleh mengenakan sebarang tindakan disiplin secara langsung terhadap mana-mana individu di dalam parti komponennya.

"Ya benar. Tetapi BN berkuasa untuk menentukan parti mana yang menjadi anggota dalam Barisan Nasional," kata Dr Mahathir kepada pemberita selepas melancarkan buku "In the Time of the Mishmish: A Painting in Twenty Parts" karya aktivis sosial Dr Alijah Gordon di sini.

Dr Ling dilaporkan berkata berdasarkan perlembagaan BN, penyertaan dalam BN adalah berdasarkan parti dan bukannya individu dan oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap parti komponen mengambil tindakan disiplin terhadap anggotanya yang melakukan kesilapan atau penyelewengan.

MCA kini berhadapan dengan persoalan bagaimana menyelesaikan isu dua anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Pinang dari parti itu yang mengambil keputusan berkecuali ketika pengundian terhadap usul yang dibawa oleh DAP pada sidang dewan pada 21 Nov lepas.

Dua wakil rakyat itu ialah Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi).

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata kerajaan Malaysia sedia bekerjasama dengan polis Indonesia yang dikatakan ingin menjejaki punca dana yang didakwa disalurkan oleh kumpulan militan Jemaah Islamiah (JI) untuk membiayai pengeboman di Bali pada 12 Okt lepas.

Laporan akhbar hari ini menyebut sebanyak RM114,000 (US\$30,000) yang digunakan untuk pengeboman itu datang daripada dana JI yang disalurkan kepada seorang rakyat Malaysia.

"Kita sedia bekerjasama dengan polis Indonesia kalau mereka ada bukti," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

LIB MAM MOZ